

Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Menurut pihak Jabatan Pendidikan, surat pekeliling itu akan di edarkan ke semua sekolah di seluruh negeri pada minggu hadapan.

---

- ii. Pihak Kementerian Pendidikan berhasrat untuk membanyakkan pembinaan makmal komputer di sekolah-sekolah, kursusnya di luar bandar.

---

- iii. Encik Fendi terpaksa menjalani pembedahan setelah doktor mengesahkan bahawa penyakit yang dihidapinya semakin kronik

---

- iv. Perjanjian kerja sama ekonomi antara dua buah negara yang berjiran itu akan dimeterai pada minggu hadapan.

---

- v. Anak jutawan yang dicolek itu telah dipertemukan oleh polis dengan keluarganya pada petang semalam.

---

- vi. Selain pengaruh rakan sebaya, kurangnya didikan agama juga merupakan punca berlakunya keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja pada masa ini.

---

- vii. Pembangunan rangkaian lebuh raya di seluruh negara membuktikan bahawa Malaysia telah semakin maju ke arah mewujudkan keselesaan kepada rakyat.

---

- viii. Penunggang motorsikal yang lalai dikenal pasti sebagai antara punca terjadinya kemalangan maut.

---

- ix. Beberapa spesis binatang liar yang mendiami hutan belantara negara ini kini kian pupus akibat pembangunan.

---

- x. Beberapa tempat di selatan Semenanjung Malaysia telah mengalami gangguan bekalan elektrik pada pagi tadi.

---